



Rujukan : UKM.JNA.100-1/3/27

Tarikh : 26 Ogos 2022

PEKELILING PUSAT PENGURUSAN PENJANAAN UKM (JANA@UKM) BIL. 2/2022

Semua Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat
Semua Ketua Bahagian/Jabatan/Pengetua Kolej
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMANTAUAN OPERASI DAN INVOIS SEWAAN OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa peranan Pusat Pengurusan Penajaan UKM (JANA@UKM) adalah untuk membantu Pusat Tanggungjawab (PTj) di Kampus Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pemilihan syarikat melalui proses penawaran Tawaran Harga, Tawaran Sewaan Sementara, Tanpa Bidaan Penajaan dan Bidaan Penajaan.

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama dari PTj untuk membuat pemantauan bagi setiap premis perniagaan/perkhidmatan yang beroperasi di bawah seliaan Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Jabatan/Unit masing-masing.

4. Selain itu juga, semua PTj adalah bertanggungjawab untuk mematuhi Tatacara Pengurusan Invois seperti yang telah ditetapkan mengikut Pekeliling Bendahari Bil. 5/2016 - Pengurusan Invois di Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berkuatkuasa mulai **2 Mei 2016** dan mengeluarkan notis amaran/tuntutan bayaran sewaan kepada mana-mana syarikat yang gagal menjelaskan bayaran sewaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Notis tersebut perlu diberikan salinan kepada JANA@UKM melalui e-mel: janaUKM@ukm.edu.my.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil. 5/2016 - Pengurusan Invois di Pusat Tanggungjawab (PTj) sebagai rujukan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD
Pro-Naib Canselor (Penajaan dan Prasarana)/
Pengarah Eksekutif
Pusat Pengurusan Penajaan UKM (JANA@UKM)

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Ketua Pustakawan
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pro-Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)

berlampir